

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**ANALISIS KEPELBAGAIAN FATWA  
MASYARAKAT DI MALAYSIA;  
TUMPUAN FATWA TERPILIH**

**MOHD NAZRIL BIN SAAD**

**MA**

**Julai 2021**

## DEKLARASI PENULIS

Saya mengakui bahawa penghasilan tesis ini dilakukan mengikut peraturan Universiti Teknologi MARA. Ia adalah asli dan dapatan hasil usaha saya sendiri, melainkan dinyatakan sebaliknya atau diberikan penghargaan sebagai hasil rujukan. Tesis ini tidak pernah diserahkan kepada mana-mana institusi akademik atau bukan akademik untuk apa-apa ijazah atau kelayakan.

Saya, dengan ini, menyatakan bahawa saya telah mengikuti Kaedah dan Peraturan Akademik bagi Pasca Siswazah, Universiti Teknologi MARA, sepanjang melakukan pengajian dan penyelidikan saya.

Nama Pelajar : Mohd Nazril bin Saad

No. Pelajar : 2018830844

Program : Sarjana Islam Kontemporari – IC780

Fakulti : Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Tajuk Tesis : Analisis Kepelbagaian Fatwa Masyarakat Di  
Malaysia; Tumpuan Fatwa Terpilih

Tandatangan Pelajar :  .....

Tarikh : 06 Julai 2021

## ABSTRAK

Fatwa di Malaysia merupakan suatu ketetapan hukum syarak yang diputuskan oleh institusi fatwa terdiri daripada empat belas Jawatankuasa Fatwa di peringkat negeri dan satu Jawatankuasa di peringkat kebangsaan. Keadaan ini menyebabkan berlaku kepelbagaian pandangan terhadap fatwa yang diputuskan. Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri dalam bahagian berkaitan fatwa telah memperuntukkan bahawa fatwa merupakan jawapan terhadap persoalan yang belum dimuktamadkan atau yang menimbulkan kontroversi dalam masyarakat. Kepelbagaian fatwa mengenai persoalan yang belum dimuktamadkan atau isu-isu baharu merupakan suatu kebiasaan. Namun, kepelbagaian fatwa terhadap persoalan yang menimbulkan kontroversi telah mengundang kekeliruan dan polemik dalam kalangan masyarakat. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti kepelbagaian fatwa yang dilihat mempunyai perbezaan hukum serta menimbulkan kontroversi dalam masyarakat, faktor-faktor yang mempengaruhi kepelbagaian fatwa berkenaan dan mencadangkan langkah penambahbaikan bagi mengharmonikannya. Kajian ini menggunakan dua metode iaitu dokumentasi bagi mengenal pasti fatwa-fatwa berkaitan, dan temu bual seramai lapan orang responden terdiri daripada Mufti, AJK Fatwa serta pakar bidang fatwa berkaitan. Aplikasi berkomputer *Atlas.ti 7* turut digunakan bagi menganalisis dan memaparkan dapatan kajian. Sebanyak empat fatwa telah dipilih untuk dianalisis mewakili tiga kategori iaitu akidah, fikah dan akhlak serta dilihat menjadi perbincangan pada masa kini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat reaksi berbeza sama ada positif mahupun negatif terhadap isu kepelbagaian fatwa di Malaysia. Kepelbagaian fatwa ini dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu faktor dalaman dan luaran. Faktor dalaman seperti kepelbagaian bidang kuasa negeri, kepelbagaian metodologi fatwa, perbezaan kelayakan dan kecenderungan Mufti serta peranan JMKI yang dilihat terhad. Manakala, faktor luaran seperti perbezaan realiti setempat dan penerimaan fatwa dalam kalangan ilmuwan agama itu sendiri. Terdapat empat langkah penambahbaikan yang dicadangkan bagi mengharmonikan kepelbagaian fatwa seperti menyedarkan masyarakat akan kepentingan kepelbagaian fatwa, menyerahkan keputusan kepada JMKI sekiranya isu tersebut melibatkan peringkat nasional, menghormati dan menerima pakai fatwa di negeri masing-masing dan menambah baik pelantikan Mufti dengan menetapkan kelayakan akademi tertentu.

## PENGHARGAAN

Pujian tanda kesyukuran atas ke hadrat Ilahi, iringan doa dan selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W di atas ruang dan kesempatan yang diizinkan-Nya, dapat menyempurnakan penulisan tesis ini. Sukacita, penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan ucapan penghargaan kepada **Dr. Azri Bhari** sebagai penyelia tesis ini di atas keprihatinan dan kesudian beliau memberi bimbingan, komentar dan cadangan yang membina dalam membantu penyediaan penulisan ini dengan penuh kesungguhan dan kesabaran sehingga ke helaian yang akhir. Seterusnya, jutaan terima kasih dan penghargaan juga kepada Prof. Madya Dr. Nurhidayah Muhamad Hashim, Prof. Madya Dr. Rafeah @ Rapengah Saidon, Prof. Madya Dr. Mohd Dani Muhamad, Dr. Mohd Faiz Mohamed Yusof dan para pensyarah di Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) yang sentiasa memberikan idea, komentar, sokongan dan dorongan motivasi. Tidak lupa juga kepada pihak pengurusan ACIS yang banyak membantu untuk menyiapkan penulisan tesis ini.

Selain itu, ucapan ribuan terima kasih juga ditujukan kepada Sahibus Samahah Dr. Luqman Haji Abdullah (Mufti Wilayah Persekutuan), Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi Hj. Abdul Majid (Presiden Dakwah Negara), Prof. Dr. Asmadi Mohamed Naim (Naib Canselor Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah), Prof. Dr. Irwan Mohd Subri (Pengarah INFAD, Universiti Sains Islam Malaysia), Prof. Madya Dr. Hasnan Kasan (Pensyarah Universiti Kebangsaan Malaysia), Dr. Hajah Faridah binti Ahmad (Pegawai Hal Ehwal Islam, Jabatan Mufti Negeri Kedah), Ustaz Roslan bin Esa (Mantan Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Perlis merangkap Ketua Penolong Mufti Pulau Pinang) serta Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim (Penolong Mufti, Jabatan Mufti Pulau Pinang) kerana sudi ditemu bual dan memberi kerjasama yang baik dalam memberikan maklumat berkaitan kajian yang dijalankan.

Seterusnya, penghargaan penulis sematkan buat ayahanda tersayang al-Marhum Haji Saad bin Man, ibu tercinta Sapiah binti Ismail serta ibu dan bapa mertua Yaaqub Hussein dan Haslina Hashim yang sentiasa mendoakan kejayaan. Juga buat isteri yang tercinta Amiratun Zakiah dan anakanda Nazhatun Nur Mohd Nazril serta Muhammad Arham Mohd Nazril yang sentiasa memahami, memberi dorongan dan semangat dalam menyiapkan penulisan tesis ini. Tidak dilupakan juga kepada Tuan Haji Hanafi Haji Hamdani, Pengarah Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI) selaku Ketua Jabatan dan rakan-rakan BHEI yang mengizinkan penulis menyambung pengajian di peringkat sarjana ini.

Jutaan terima kasih juga buat semua pihak yang tidak dapat penulis menyebutnya satu per satu, atas bantuan dan dorongan sama ada yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung. Semoga setiap amal yang dicurahkan diberi ganjaran yang tinggi dari Allah S.W.T.

Akhir kata, penulis ingin memohon maaf atas segala kekurangan yang telah dilakukan. Penulis berdoa agar hasil kajian ini akan menyumbang kepada kebaikan seluruh umat Islam di seluruh dunia dan memperoleh manfaat di dunia dan akhirat. Segala komentar dan penambahbaikan terhadap penulisan tesis ini dari masa ke semasa amatlah dialu-alukan agar penulisan ini sentiasa relevan dari sepanjang masa.

# ISI KANDUNGAN

Muka Surat

<b>PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA</b>	<b>ii</b>
<b>DEKLARASI PENULIS</b>	<b>iii</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>iv</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>x</b>
<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xii</b>
<b>JADUAL TRANSLITERASI</b>	<b>xiii</b>
<b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>	<b>14</b>
1.1 Pengenalan	14
1.2 Latar Belakang Kajian	15
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	25
1.4 Objektif	28
1.5 Persoalan Kajian	28
1.6 Kepentingan Kajian	29
1.7 Skop Kajian	29
1.8 Kesimpulan	30
1.9 Penyusunan Bab	31
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b>	<b>32</b>
2.1 Pengenalan	32
2.2 Konsep Kepelbagaian Menurut Perspektif Islam	32
2.2.1 Konsep Kepelbagaian (Ikhtilaf)	33
2.2.2 Sejarah Ikhtilaf	36
2.2.3 Faktor-Faktor Ikhtilaf	42